

03/05/2002

NSTP bebas campur tangan menteri

KUALA LUMPUR, Khamis - Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, berkata pihaknya tidak pernah menerima arahan menteri Kabinet termasuk Perdana Menteri, berkaitan berita yang akan dimuatkan dalam akhbar terbitan kumpulan itu.

Sebaliknya, kata beliau, peringkat tertinggi bahagian editorial termasuk beliau memutuskan berita sesuai diterbitkan.

"Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri kabinet tidak pernah mengarahkan atau campur tangan mengenai sesuatu berita yang disiarkan akhbar terbitan NSTP.

"Tetapi kebanyakan orang mendakwa kerajaan mengongkong akhbar tempatan. Sebenarnya yang mengongkong ialah diri kita sendiri," katanya ketika menyampaikan ceramah bertajuk 'Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Media' pada Forum Kebebasan Akhbar sempena Hari Kebebasan Akhbar 2002 di sini, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya juga memberi wartawan NSTP kebebasan menulis dan menghasilkan berita menggunakan kreativiti sendiri.

"Kami tidak pernah menghalang wartawan NSTP menulis berita menggunakan idea sendiri tetapi jika berlaku kesilapan, wartawan terbabit perlu menanggungnya," katanya.

Abdullah berkata, hasil kebebasan itu serta laporan berita yang seimbang menyebabkan jualan akhbar The News Straits Time (NST) meningkat kepada 155,000 naskah sehari.

Beliau berkata, dakwaan berita itu tidak disiarkan kerana mendapat arahan 'pihak atasan' tidak benar kerana pemimpin negara ini tidak pernah mengarahkan beliau supaya berbuat demikian.

"Di Britain, Perdana Menterinya, Tony Blair pun tiada kuasa menahan berita disiarkan akhbar negaranya.

"Hanya seorang yang berkuasa menahan atau mengarahkan berita yang boleh disiarkan iaitu jutawan media, Rupert Murdoch," katanya.

Abdullah bagaimanapun mengakui akhbar di negara ini tiada kebebasan mutlak, malah keadaan itu turut dialami di seluruh dunia termasuk Barat.

Pada sidang akhbar selepas itu, Abdullah berkata, agensi media antarabangsa yang dikuasai Barat mempunyai agenda tersendiri apabila tidak menyiarkan ucapan Dr Mahathir ke-17 kali pada Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) kerana tidak setuju dengan pendapat Perdana Menteri.

"Ini menjadikan konon negara Barat mengamalkan kebebasan akhbar hanyalah sebagai mitos," katanya.

Beliau berkata, keadaan ini berbeza di Malaysia kerana kebebasan diberikan kepada syarikat akhbar tanpa dipengaruhi oleh pemimpin kerajaan.

"Tetapi saya tidak bersetuju akhbar menggunakan kebebasan ini untuk membakar semangat sehingga menimbulkan huru-hara seperti peristiwa 13 Mei," katanya.

(END)